# Kertas Bil. 16/2019

**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS PADA 18 - 22 MAC DAN 25 MAC 2019**

---

## PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG JEJAMBAT (FLYOVER) DI BANDAR SAUJANA PUTRA

## KERTAS BILANGAN 6/2019

---

**MAKLUM BALAS PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN ISU JEJAMBAT (FLYOVER) DI BANDAR SAUJANA PUTRA YANG TELAH DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN) PENGGAL KEDUA DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS TAHUN 2019 PADA 18 MAC – 22 MAC 2019 DAN 25 – 26 MAC 2019**

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| Kertas Mesyuarat Bilangan 6 / 2019 | **PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN ISU JEJAMBAT (FLYOVER) DI BANDAR SAUJANA PUTRA** | 6.1 Jawatankuasa menyarankan agar PNSB mengambil tanggungjawab penuh untuk menyelesaikan isu ini dan memainkan peranan utama serta mengambil tindakan tegas terhadap SBSB kerana gagal memulakan pembinaan jejambat (flyover) di bulatan Bandar Saujana Putra seperti yang dipersetujui SBSB di dalam surat akujanji ruj. SBSB/483/BK/04 bertarikh 20 September 2004. | | | |
| | | 6.2 Jawatankuasa menyarankan kerajaan negeri mengadakan mesyuarat penyelarasan khas dengan PNSB dan pemaju-pemaju yang lain untuk menyelesaikan isu kelewatan pembangunan jejambat (flyover) di Bandar Saujana Putra yang menjadi penghubung antara Lebuh Raya ELITE dan Lebuh Raya SKVE dan sewajarnya suatu keputusan dapat diperolehi dan dimaklumkan pada mesyuarat sidang dewan yang akan datang. Penyelesaian isu kelewatan pembinaan jejambat (flyover) di Bandar Saujana | | | Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah mengadakan mesyuarat bersama dengan PNSB pada 18 Mac 2019 bagi membincangkan isu pembangunan jejambat (flyover) di Bandar Saujana Putra. |

Y.B. TUAN IR. IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Putra ini perlu ditangani dengan segera kerana perkara ini telah berlanjutan setelah sekian lama dan rakyat telah mula mempersoalkan tindakan kerajaan negeri berhubung perkara ini memandangkan PNSB merupakan anak syarikat kerajaan negeri. | | | Antara lain mesyuarat bersetuju:<br><br>i) Dengan komitmen oleh PNSB dan pemaju Seribu Baiduri Sdn. Bhd. yang telah bersetuju melaksanakan pembinaan jejambat penghubung antara Lebuhraya ELITE dan Lebuhraya SKVE di sebahagian Lot 18337, Bandar Saujana Putra, Kuala Langat (di atas bulatan Bandar Saujana Putra) dalam tempoh terdekat.<br><br>ii) Dengan komitmen LLM dan PLUS bagi |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | perkara-perkara berikut, iaitu:<br><br>a) membenarkan pemaju untuk masuk ke tapak dan melaksanakan pembinaan dengan kadar segera, pada bila-bila masa;<br><br>b) bersetuju supaya isu tuntutan bayaran kos operasi dan penyelenggaraan *Interchange* serta Plaza Tol Bandar Saujana Putra diselesaikan secara berasingan. Sebarang hal |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | berkaitan kos berkenaan serta kos-kos penyelenggaraan jejambat penghubung boleh dibincang dan diselesaikan kemudian setelah jejambat ini disiapkan.<br><br>iii) Isu tuntutan bayaran kos operasi dan penyelenggaraan *Interchange* serta Plaza Tol Bandar Saujana Putra tidak menjadi syarat kepada pelaksanaan pembinaan jejambat penghubung yang |

Y.B. TUAN IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | boleh menyebabkan kelewatan pelaksanaan.<br><br>iv) Pihak pemaju mengemukakan tentatif jadual pelaksanaan projek dalam tempoh seminggu kepada pihak urus setia, manakala jadual pelaksanaan sebenar perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada minggu kedua bulan April 2019 untuk tindakan pemantauan.<br><br>v) Dalam masa yang sama, pihak pemaju mengemukakan |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | cadangan balas kepada pihak LLM / PLUS berhubung isu tuntutan bayaran kos operasi dan penyelenggaraan *Interchange* serta Plaza Tol Bandar Saujana Putra, seterusnya mengadakan perbincangan bagi mendapatkan penyelesaian ke atas isu berkenaan dan memaklumkan hasil perbincangan kepada urus setia.<br><br>vi) Pihak PBT membantu dan memantau pelaksanaan pembinaan bagi |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | memastikan ianya berjalan dengan teratur.<br><br>UPEN juga telah mengadakan mesyuarat penyelarasan pada 22 April 2019 berkaitan dengan isu pembangunan jejambat (flyover) di Bandar Saujana Putra.<br><br>Pihak pemaju telah mengemukakan jadual pelaksanaan projek di mana pelaksanaan kerja akan dimulakan pada Julai 2019 dan dijangka siap pada Jun 2021.<br><br>Pihak pemaju telah menghantar *detail construction drawing* kepada pihak LLM dan masih menunggu pihak |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN

| BIL | TAJUK PENYATA | SARANAN | DITERIMA | DITOLAK | ULASAN/TINDAKAN MMKN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | LLM untuk mengaturkan satu mesyuarat penyelarasan dengan pihak SKVE dan ELITE.<br><br>UPEN akan mengadakan mesyuarat pemantauan susulan pada awal atau pertengahan Julai 2019 bagi tujuan pemantauan projek. |

Y.B. TUAN IR IZHAM HASHIM
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI (EXCO)
SELANGOR DARUL EHSAN